




MEMO



JABATAN TENAGA MANUSIA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN : JTM/PKSM/01/674 JLD.(22)

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2009

PERKARA : MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN (MJPP) JABATAN TENAGA MANUSIA	
DARIPADA : P (KT)	SALINAN : 1. KP JTM 2. TKP JTM 
KEPADA : Seperti di lampiran	

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan Jabatan Tenaga Manusia untuk tindakan tuan/puan selanjutnya.

Kerjasama daripada pihak tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Pekerja Inovatif Negara Kompetitif'

Saya yang menurut perintah,

(SYED JOHAN BIN SYED ALI)
Pengarah Bahagian Kawalan Teknikal
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia

LAMPIRAN

- 
1. TN. SYED JOHAN BIN SYED ALI - P (KT)
 2. EN. NIDZAM BIN KAMARULZAMAN - P (PK)
 3. EN. MAT SETIA BIN MOHD RAJI - KPP (PK)
 4. EN. NASIRRUDIN BIN SYED ALANG GHAFAR - KPP (KT)
 5. EN. ABD HALIM BIN ALI MOHAMMED - KPP (PL)
 6. PN. FAIZAH BINTI HARUN - KPP (PP)
 7. PN. AZLINA BINTI MOHAMAD SHAFIE - PP (KT)
 8. EN. MOHD ANUAR BIN MAT JUNOH - PP (KT)
 9. EN. ZAID BIN MAT SAN - PP (KT)
 10. PENGARAH CIAST
 11. SEMUA PENGARAH ILJTM

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BIL.3/2009 JABATAN TENAGA MANUSIA**

TARIKH : 27 & 28 OGOS 2009

HARI : KHAMIS & JUMAAT

MASA : 9.00 PAGI HINGGA 5.30 PETANG

TEMPAT : BILIK MESYUARAT UTAMA,
JABATAN TENAGA MANUSIA,
ARAS 6, BLOK D4, W.P PUTRAJAYA

PENGERUSI : TUAN SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI
TIMBALAN KETUA PENGARAH
JABATAN TENAGA MANUSIA

KEHADIRAN

- | | |
|---|----------------------------------|
| 1. TN. SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI | - TKP JTM |
| 2. TN. SYED JOHAN BIN SYED ALI | - P (KT) |
| 3. EN. NIDZAM BIN KAMARULZAMAN | - P (PK) |
| 4. EN. MAT SETIA BIN MOHD RAJI | - KPP (PK) |
| 5. EN. NASIRRUDIN BIN SAID ALANG GHAFAR | - KPP (KT) |
| 6. EN. ZAIHAN BIN SHUKRI | - PENGARAH JMTI |
| 7. EN. ZABIDIN BIN ABD SAMAD | - PENGARAH ADTEC MELAKA |
| 8. DR. MOHD RASHID BIN BUYONG HAMZAH | - PENGARAH ADTEC KULIM |
| 9. EN. ZURAKA BIN YUSOF | - PENGARAH ADTEC SHAH ALAM |
| 10. EN. NORMAN BIN KUSIN | - PENGARAH ADTEC BATU PAHAT |
| 11. EN. MOHD MANOJ BIN JUMIDALI | - TIM. PENGARAH ILP KUALA LUMPUR |
| 12. EN. SUAIBUNAH BINA JUSOH | - PENGARAH ILP PASIR GUDANG |
| 13. EN. NOOR ARIFFIN BIN MOHD ARIFF | - PENGARAH ILP KOTA KINABALU |
| 14. EN. ZULKIFLE BIN OMAR | - PENGARAH ILP LABUAN |
| 15. EN. JAMIL BIN YAHYA | - PENGARAH ILP IPOH |

16. EN. MOHD ABD FATAH BIN MOHD RAMLY
17. EN. ADNAN BIN ISMAIL
18. EN. MEGAT HUSAIN BIN MEGAT JAAFFAR
19. EN. AZHARI BIN IBRAHIM
20. IR. HALIM AZHAR BIN MOHD YATIM
21. EN. AB. RAHMAN BIN HJ. MOHD SAID
22. EN. ZAINUDIN BIN HJ. AHMAD
23. TN. HJ. JAMIL BIN YAHYA
24. EN. MOHD SUKIMI BIN MAT SALLEH
25. EN. RAMLI BIN RASHIDI
26. EN. GHAZLAN GHAZALI
27. EN. IMALISTYAHUSNANJAYA BIN MAT HUSSIN
28. EN. ZABIDIN BIN ABD SAMAD
29. EN. ROMALES BIN RAMLI
30. PN. NORLELA BINTI MUSTAFFA
31. EN. AZMI BIN MAT
32. EN. ZAID BIN ZAHARI
33. EN. MAZLAN BIN EBAU NUI
34. EN. SUDIRMAN BIN HAMMADE
35. PN. JUNNAINA BINTI HUSIN CHUA
35. EN. ZAID BIN MAT SAN
36. PN. AZLINA BINTI MOHAMAD SHAFIE
37. EN. MOHD ANUAR BIN MAT JUNOH
38. CIK. NURATIKAH BINTI NOOR ANUAR

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. EN. MOHD HASHIMI BIN ABD HADI
2. EN. ABDUL HALIM BIN ABD RAHMAN
3. EN. SARMAN BIN HJ. RAWAN
4. EN. ABDUL WAHID BIN EMBONG
5. EN. AZMIR BIN MOHD YUNUS
6. EN. KHAIRUL ANUAR BIN DENI
7. EN. ABD. HALIM BIN ALI MOHAMMED
8. PN. FAIZAH BINTI HARUN

- PENGARAH ILP BUKIT KATIL
- PENGARAH ILP LEDANG
- PENGARAH ILP KANGAR
- PENGARAH ILP KOTA SAMARAHAN
- PENGARAH ILP NIBONG TEBAL
- PENGARAH ILP SELANDAR
- PENGARAH ILP KUALA LANGAT
- PENGARAH ILP MERSING
- PENGARAH ILP KEPALA BATAS
- PENGARAH ILP MIRI
- PENGARAH CIAST
- WAKIL CIAST
- WAKIL ADTEC MELAKA
- WAKIL ILP KUALA LUMPUR
- WAKIL KUALA TERENGGANU
- WAKIL ILP KOTA BHARU
- WAKIL ILP KUANTAN
- WAKIL ILP JITRA
- WAKIL ILP SANDAKAN
- WAKIL ILP PERAI
- PP (KT)
- PP (KT)
- Urusetia
- Pencatat Minit

- PENGARAH ILP KUALA LUMPUR
- PENGARAH ILP KUALA TERENGGANU
- PENGARAH ILP KOTA BHARU
- PENGARAH ILP KUANTAN
- PENGARAH ILP JITRA
- PENGARAH ILP SANDAKAN
- KPP (PL)
- KPP (PP)

MINIT MESYUARAT

BIL	PERKARA	TINDAKAN	STATUS
1.	<u>Ucapan Pengerusi</u> 1.1 Pengerusi memulakan salam dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat/perbincangan ini terutama kepada Pengarah CIAST, En. Ghazlan Ghazali yang turut hadir bersama. 1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan (MJPP) adalah mesyuarat kali yang ke-3 dan semua institut bertanggungjawab membentangkan keputusan akhir dan memperakui pelajar serta statusnya untuk diberi penganugerahan Sijil Juruteknik Perindustrian (SJP), Sijil Teknologi (ST), Diploma Teknologi (DT) dan Diploma Lanjutan Teknologi (DLT) / Diploma Pengajian Vokasional (DPV).	Makluman Makluman	
2.	<u>Pengesahan Minit Mesyuarat JawatanKuasa Peperiksaan dan Persijilan JTM (MJPP) Bil 2/2009 (Keluaran Sesi 1/2009)</u> 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan (MJPP) Bil 2/2009 disahkan oleh ahli mesyuarat tanpa sebarang pindaan.	Makluman	

3.	<u>Maklumbalas Dari MJPP Bil 2/2009</u> <u>Pengiktirafan MQA dan JPA</u> 3.1 BKT telah menghubungi pegawai Unit Pengiktirafan Kelayakan di JPA berkaitan status maklumbalas JTM pada 24 Ogos 2009. Dimaklumkan maklumbalas tersebut masih belum diangkat ke mana-mana mesyuarat Jawatankuasa yang berkaitan di JPA. 3.2 JTM perlu menghantar permohonan pengiktirafan bagi program baru seperti Diploma Teknologi Automotif, empat program diploma Lanjutan dan program diploma yang dijalankan di ILP dan ADTEC sebelum pelajar yang berkenaan menamatkan latihan. 3.3 Permohonan pengiktirafan bagi pelajar kemasukan tahun 2008 bergantung kepada keputusan Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) terhadap maklumbalas mandatori bagi penambahbaikan yang diberikan. 3.4 Dimaklumkan jika penambahbaikan dipersetujui dan memenuhi kriteria Jawatankuasa, JTM akan menerima pengiktirafan penuh bagi kemasukan 2008 ke atas dan sekiranya tidak, JTM perlu menghantar permohonan baru. 3.5 Mesyuarat dimaklumkan tarikh akhir bagi penghantaran permohonan pengiktirafan ke BKT bagi kursus-kursus baru peringkat diploma dan diploma lanjutan adalah sebelum 9 Oktober 2009. 3.6 P(CIAST) memaklumkan bahawa seramai 64 orang pegawai kontrak telah diberi pengecualian khas oleh SPA untuk menjawat jawatan PPLV J29. <u>Kursus Peningkatan Kemahiran Pensyarah</u> 3.7 Pengerusi meminta semua institut menghantar senarai nama pengajar yang mengikuti kursus pedagogi selama satu (1) bulan untuk mendapatkan pengecualian khas bagi syarat pedagogi untuk pengeluaran surat akuan pengajar.	BKT	
		BKT	
		Makluman	
		Makluman	
		Makluman	
		Makluman	
		P (ILJTM) & BKT	

	3.8 Mesyuarat bersetuju Jawatankuasa Adhoc permohonan pengiktirafan diwujudkan dan program <i>batch marking</i> dijalankan di mana-mana IPTA / IPTS yang menawarkan kursus Diploma Teknologi. <u>Kakitangan</u> 3.9 Mesyuarat dimaklumkan bahawa pengajar bagi Kursus CADD Mekanikal di ILP Kuala Lumpur telah diserapkan ke kursus-kursus lain. <u>Latihan</u> 3.10 Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat sesetengah institut mempunyai masalah dengan penggunaan e-CAST. 3.11 Mesyuarat dimaklumkan JTM diberi perlanjutan sehingga Disember 2009 bagi penggunaan e-CAST dan dicadangkan mesyuarat susulan berkaitan perkara ini diadakan dengan JPK. 3.12 Mesyuarat ambil maklum, Kursus Teknologi (Keselamatan) di ILP Selandar, ILP Kuala Langat dan ILP Marang digantikan dengan Teknologi Komputer Rangkaian. 3.13 Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan pendaftaran telah dilaksanakan di dalam Sistem TMS. 3.14 Mesyuarat bersetuju mesyuarat susulan perlu diadakan di antara JTM dengan JPK bagi menyelaraskan isu-isu berkaitan sistem latihan dan penilaian JPK. 3.15 Pengerusi meminta urusetia mengedarkan hasil mesyuarat bersama pihak JPK untuk makluman ILJTM.	BKT Makluman Makluman Makluman Makluman Makluman BKT BKT	
--	---	--	--

	3.17 Mesyuarat dimaklumkan bahawa sebanyak 35 silibus dan 23 set WIM telah disahkan, antara silibus yang disahkan adalah seperti berikut :- i) Kluster ICT – 9 silibus ii) Kluster Elektronik – 6 silibus iii) Kluster Sivil – 3 silibus iv) Kluster Pengeluaran – 2 silibus v) Kluster Fabrikasi – 1 silibus vi) Kluster Pembuatan – 4 silibus vii) Kluster Perkhidmatan – 3 silibus viii) Kluster Penyelenggaraan Elektrik – 1 silibus ix) Kluster Percetakan – 2 silibus x) Kluster Subjek Umum – 4 silibus 3.18 Silibus baru iaitu Sijil Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara dan Sijil Teknologi Komputer (Rangkaian) ditangguhkan penggunaan kerana pembangunan silibus tersebut berdasarkan <i>single-tier</i>. Keputusan MJPP Bil 1/2009 telah menetapkan semua program sijil di ILP mesti dijalankan secara <i>multi-tier</i>. 3.19 Mesyuarat dimaklumkan memo berkenaan kelayakan persijilan bagi mana-mana pelajar yang berhenti di pertengahan tempoh latihan telah dikeluarkan pada 24 ogos 2009. 3.20 Dimaklumkan buku panduan Sistem Penilaian CGPA JTM Pindaan 7 telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kurikulum Bil. 1/2009 dan dalam Mesyuarat Ketua Pengarah bersama Pengarah-Pengarah ILJTM Bil. 2/2009. 3.21 Mesyuarat dimaklumkan bahawa buku SPC telah disahkan tetapi memo arahan penggunaan masih belum dikeluarkan lagi.	Makluman	
		Makluman	
		Makluman	
		Makluman	
		Makluman	

4.	<u>Laporan Keseluruhan Lawatan Verifikasi Pegawai Naziran Bil 1/2009</u> 4.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa taklimat berkenaan SPC hanya boleh dilaksanakan apabila memo arahan penggunaan buku panduan Sistem Penilaian CGPA JTM dikeluarkan. 4.2 Dimaklumkan bahawa panduan baru bagi mengisi SPC.06 telah diedarkan ke semua institut dan Pegawai Naziran pada 17 Julai 2009 bagi mengurangkan kekeliruan yang timbul semasa mesyuarat bagi tujuan pengesahan pelajar serta penyelarasan dapat dibuat di semua institut. 4.3 Mesyuarat bersetuju status 'ditamatkan' dimansuhkan dan diganti dengan status gagal. <table><tr><th>Status</th><th>Keterangan</th></tr><tr><td>GAGAL</td><td> •Pelajar yang Gagal mana-mana modul (pelajar gagal modul sehingga tamat tempoh latihan). • Mempunyai CGPA kurang dari 1.67 pada mana semester. • Mempunyai CGPA diantara 1.67 hingga 1.99 dan gagal melebihi 5 jam kredit pada mana-mana semester. • CGPA kurang daripada 2.0 semasa semester akhir. • Gagal ko-kurikulum. • Gagal Latihan Industri. • Gagal PTA (Diploma & Diploma Lanjutan) </td></tr></table> 4.4 Mesyuarat dimaklumkan bahawa memo arahan untuk mewujudkan portfolio bagi Subjek Umum telah dikeluarkan pada 13 Ogos 2009 dan berkuatkuasa mulai sesi latihan Julai 2009.	Status	Keterangan	GAGAL	•Pelajar yang Gagal mana-mana modul (pelajar gagal modul sehingga tamat tempoh latihan). • Mempunyai CGPA kurang dari 1.67 pada mana semester. • Mempunyai CGPA diantara 1.67 hingga 1.99 dan gagal melebihi 5 jam kredit pada mana-mana semester. • CGPA kurang daripada 2.0 semasa semester akhir. • Gagal ko-kurikulum. • Gagal Latihan Industri. • Gagal PTA (Diploma & Diploma Lanjutan)	Makluman	
Status	Keterangan						
GAGAL	•Pelajar yang Gagal mana-mana modul (pelajar gagal modul sehingga tamat tempoh latihan). • Mempunyai CGPA kurang dari 1.67 pada mana semester. • Mempunyai CGPA diantara 1.67 hingga 1.99 dan gagal melebihi 5 jam kredit pada mana-mana semester. • CGPA kurang daripada 2.0 semasa semester akhir. • Gagal ko-kurikulum. • Gagal Latihan Industri. • Gagal PTA (Diploma & Diploma Lanjutan)						
		Makluman					
		ILJTM					
		Makluman					
		Makluman					

	4.5 ILP dan ADTEC masih menggunakan silibus Telekomunikasi yang dibangunkan pada tahun 2008. Silibus yang dibangunkan pada tahun 2009 tidak disahkan dan masih perlu disemak semula kerana tiada kesinambungan pada silibus bagi kedua-dua peringkat tersebut dan akan memberi kesan terhadap permohonan pengiktirafan dari JPA.	BKT	
5.	<u>Pembentangan dan Pengesahan Keputusan Akhir Keluaran 1/2008 daripada Pengarah-pengarah ILJTM</u> 5.1 CIAST 5.1.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - DPV a) Seramai 72 pelajar layak dianugerahkan DPV dengan kelulusan 98.6%. b) Bilangan tangguh seramai 6 pelajar. Keputusan akhir pelajar CIAST adalah disahkan	Makluman P (CIAST)	
	5.2 JMTI 5.2.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - DT a) Seramai 122 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 92.4%. b) Bilangan tangguh seramai 48 pelajar. Keluaran Sesi 1/2009 – DLT a) Seramai 3 pelajar layak dianugerahkan DLT dengan kelulusan 100.0% b) Bilangan tangguh seramai 3 pelajar. Keputusan akhir pelajar JMTI adalah disahkan	Makluman P (JMTI)	

	5.3 ADTEC Melaka 5.3.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - DT a) Seramai 132 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 97.1%. b) Bilangan tangguh seramai 75 pelajar. Keputusan akhir pelajar ADTEC Melaka adalah disahkan	Makluman P (ADTEC Melaka)	
	5.4 ADTEC Kulim 5.4.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - DT a) Seramai 178 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 100.0%. b) Bilangan tangguh seramai 18 pelajar. Keputusan akhir pelajar ADTEC Kulim adalah disahkan	Makluman P (ADTEC Kulim)	
	5.5 ADTEC Shah Alam 5.5.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - DT a) Seramai 207 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 99.5%. b) Bilangan tangguh seramai 78 pelajar. Keluaran Sesi 1/2009 – DLT a) Seramai 7 pelajar layak dianugerahkan DLT dengan kelulusan 100.0% b) Tiada pelajar yang tangguh. Keputusan akhir pelajar ADTEC Shah Alam adalah disahkan	Makluman P (ADTEC Shah Alam)	

	5.6 ADTEC Batu Pahat 5.6.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - DT a) Seramai 204 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 97.6%. b) Bilangan tangguh seramai 70 pelajar. Keputusan akhir pelajar ADTEC Batu Pahat adalah disahkan	Makluman P (ADTEC Batu Pahat)	
	5.7 ILP Jitra 5.7.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 28 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 100.0%. b) Bilangan tangguh seramai 4 pelajar. Keputusan akhir pelajar ILP Jitra adalah disahkan	Makluman P (ILP Jitra)	
	5.8 ILP Kangar 5.8.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 23 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 76.7%. b) Tiada pelajar yang tangguh. Keputusan akhir pelajar ILP Kangar disahkan	Makluman P (ILP Kangar)	
	5.9 ILP Kuala Lumpur 5.9.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 77 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 81.9%. b) Bilangan tangguh seramai 19 pelajar.	Makluman P (ILP Kuala Lumpur)	

	Keluaran Sesi 1/2009 – ST a) Seramai 16 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 100.0% b) Tiada pelajar yang tangguh. Keputusan akhir pelajar ILP Kuala Lumpur adalah disahkan		
	5.10 ILP Kota Kinabalu 5.10.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 52 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 100.0%. b) Bilangan tangguh seorang pelajar. Keputusan akhir pelajar ILP Kota Kinabalu adalah disahkan	Makluman P (ILP Kota Kinabalu)	
	5.11 ILP Kuala Terengganu 5.11.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 56 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 100.0%. b) Bilangan tangguh seramai 2 pelajar. Keluaran Sesi 1/2009 – DT a) Seramai 31 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 100.0%. b) Bilangan tangguh seorang pelajar. Keluaran Sesi 1/2009 – DPV a) Seramai 9 pelajar layak dianugerahkan DPV dengan kelulusan 100.0%. b) Tiada pelajar yang tangguh. Keputusan akhir pelajar ILP Kuala Terengganu adalah disahkan	Makluman P (ILP Kuala Terengganu)	

	5.12 ILP Kuantan 5.12.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 51 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 92.7%. b) Bilangan tangguh seorang pelajar. Keputusan akhir pelajar ILP Kuantan adalah disahkan	Makluman P (ILP Kuantan)	
	5.13 ILP Labuan 5.13.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 176 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 100.0%. b) Bilangan tangguh seramai 19 pelajar. Keputusan akhir pelajar ILP Labuan adalah disahkan	Makluman P (ILP Labuan)	
	5.14 ILP Ipoh 5.14.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 52 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 98.1%. b) Tiada pelajar yang tangguh. Keluaran Sesi 1/2009 – ST a) Seramai 2 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 100.0%. b) Tiada pelajar yang tangguh. Keputusan akhir pelajar ILP Ipoh adalah disahkan	Makluman P (ILP Ipoh)	

	5.15 ILP Sandakan 5.15.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 23 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 100.0%. b) Tiada pelajar yang tangguh. Keputusan akhir pelajar ILP Sandakan adalah disahkan	Makluman P (ILP Sandakan)	
	5.16 ILP Mersing 5.16.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 41 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 91.1%. b) Bilangan tangguh seramai 6 pelajar. Keluaran Sesi 1/2009 – ST a) Seramai 4 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 100.0% b) Tiada pelajar yang tangguh. Keputusan akhir pelajar ILP Mersing adalah disahkan	Makluman P (ILP Mersing)	
	5.17 ILP Bukit Katil 5.17.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 88 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 96.7%. b) Bilangan tangguh seramai 4 pelajar. Keluaran Sesi 1/2009 – ST a) Seramai 12 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 85.7% b) Bilangan tangguh seramai 3 pelajar.	Makluman P (ILP Bukit Katil)	


	Keluaran Sesi 1/2009 – DPV a) Seramai 11 pelajar layak dianugerahkan DPV dengan kelulusan 100.0% b) Tiada pelajar yang tangguh. Keputusan akhir pelajar ILP Bukit Katil adalah disahkan		
	5.18 ILP Ledang 5.18.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 84 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 87.5%. b) Bilangan tangguh seramai 5 pelajar. Keluaran Sesi 1/2009 – ST a) Seramai 11 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 100.0% b) Bilangan tangguh seorang pelajar. Keluaran Sesi 1/2009 – DT a) Seramai 10 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 100.0% b) Tiada pelajar yang tangguh. Keputusan akhir pelajar ILP Ledang adalah disahkan	Makluman P (ILP Ledang)	
	5.19 ILP Kuala Langat 5.19.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 195 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 89.9%. b) Bilangan tangguh seramai 18 pelajar. Keputusan akhir pelajar ILP Kuala Langat adalah disahkan	Makluman P (ILP Kuala Langat)	

5.20 ILP Miri 5.20.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 42 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 91.3%. b) Bilangan tangguh seramai 10 pelajar. Keputusan akhir pelajar ILP Miri adalah disahkan	Makluman P (ILP Miri)	
5.21 ILP Kepala Batas 5.21.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 40 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 100.0%. b) Bilangan tangguh seramai 5 pelajar. Keputusan akhir pelajar ILP Kepala Batas adalah disahkan	Makluman P (ILP Kepala Batas)	
5.22 ILP Nibong Tebal 5.22.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 43 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 97.7%. b) Bilangan tangguh seramai 12 pelajar. Keputusan akhir pelajar ILP Nibong Tebal adalah disahkan	Makluman P (ILP Nibong Tebal)	
5.23 ILP Kota Bharu 5.23.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 44 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 100.0%. b) Bilangan tangguh seramai 3 pelajar.	Makluman P (ILP Kota Bharu)	

	Keluaran Sesi 1/2009 - DT a) Seramai 15 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 100.0%. b) Tiada pelajar yang tangguh. Keputusan akhir pelajar ILP Kota Bharu adalah disahkan		
	5.24 ILP Kota Samarahan 5.24.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 48 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 94.1%. b) Bilangan tangguh seramai 7 pelajar. Keputusan akhir pelajar ILP Kota Samarahan adalah disahkan	Makluman P (ILP Kota Samarahan)	
	5.25 ILP Pasir Gudang 5.25.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 1/2009 - SJP a) Seramai 29 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 100.0%. b) Bilangan tangguh seorang pelajar. Keputusan akhir pelajar ILP Pasir Gudang adalah disahkan	Makluman P (ILP Pasir Gudang)	
6.	<u>Hal-hal Lain</u> 6.1 Pengerusi meminta supaya tindakan perlu diambil bagi penambahbaikan di setiap institut yang tidak mencapai objektif kualiti yang ditetapkan. 6.2 Pengerusi meminta supaya format laporan penambahbaikan dan pencegahan perlu disediakan oleh urusetia.	P(ILJTM) BKT & ILJTM berkenaan	


	6.9 Mesyuarat bersetuju untuk menganugerahkan Sijil Teknologi (ST) kepada kursus-kursus yang bermula dengan Tahap 2 seperti kursus-kursus di bawah dan berkuatkuasa untuk pelajar sesi keluaran 2/2009 :- <table><tr><th>Bil.</th><th>Kod Kursus</th><th>Nama Kursus</th></tr><tr><td>1.</td><td>A12</td><td>Teknologi Rekabentuk Produk Industri</td></tr><tr><td>2.</td><td>B01</td><td>Teknologi Elektrik PW2</td></tr><tr><td>3.</td><td>B10</td><td>Teknologi Mekatronik</td></tr><tr><td>4.</td><td>F01</td><td>Teknologi Komputer (Sistem)</td></tr><tr><td>5.</td><td>F02</td><td>Teknologi Komputer (Rangkaian)</td></tr><tr><td>6.</td><td>F04</td><td>Teknologi Perisian (Pengaturcaraan)</td></tr><tr><td>7.</td><td>F05</td><td>Teknologi Perisian (Multimedia Interaktif)</td></tr></table>	Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	1.	A12	Teknologi Rekabentuk Produk Industri	2.	B01	Teknologi Elektrik PW2	3.	B10	Teknologi Mekatronik	4.	F01	Teknologi Komputer (Sistem)	5.	F02	Teknologi Komputer (Rangkaian)	6.	F04	Teknologi Perisian (Pengaturcaraan)	7.	F05	Teknologi Perisian (Multimedia Interaktif)	BKT	Memo telah dikeluarkan pada tarikh 11 September 2009.
Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus																									
1.	A12	Teknologi Rekabentuk Produk Industri																									
2.	B01	Teknologi Elektrik PW2																									
3.	B10	Teknologi Mekatronik																									
4.	F01	Teknologi Komputer (Sistem)																									
5.	F02	Teknologi Komputer (Rangkaian)																									
6.	F04	Teknologi Perisian (Pengaturcaraan)																									
7.	F05	Teknologi Perisian (Multimedia Interaktif)																									
7.	<u>Penangguhan Mesyuarat</u> Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 Petang. Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat.																										

Minit disediakan oleh:



(NURATIKAH BINTI NOOR ANUAR)
 Pem. Tadbir (Kesetiausahaan)
 Bahagian Kawalan Teknikal

Minit disemak oleh:



(TN. SYED JOHAN BIN SYED ALI)
 Pengarah
 Bahagian Kawalan Teknikal

LAPORAN PENAMBAHBAIKAN

Institut : PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC) SHAH ALAM

Keterangan Ketidakpatuhan :

Bagi Sesi Keluaran 1/2009, terdapat 241 pelajar lulus dan 74 pelajar tangguh serta diberikan peluang maksimum 2 semester untuk menyelesaikan ulang modul. Peratus pelajar tangguh ialah 25.7% melebihi Objektif Kualiti yang telah ditetapkan iaitu 15%.

Punca Ketidakpatuhan :

Terdapat 5 kategori tangguh bagi Sesi Keluaran 1/2009, iaitu :-

Bil	Kategori Tangguh	Bil. Pelajar	% Tangguh	% Keluaran
a.	Latihan Industri	49	66.2%	17.0%
b.	Mengulang	18	24.3%	6.3%
c.	Kesihatan	1	1.4%	0.3%
d.	Projek Tahun Akhir	1	1.4%	0.3%
e.	Disiplin	5	6.8%	1.7%
Jumlah			100.0%	25.7%

Maka, pelajar tangguh disebabkan Latihan Industri (LI) adalah paling ramai. Ini disebabkan pelajar tersebut tidak layak mengikuti LI kerana gagal beberapa subjek pada semester 4.

Terdapat beberapa sebab yang menyumbang kepada peratus kegagalan subjek meningkat :-

- a. Kualiti soalan peperiksaan akhir adalah tinggi di mana kebanyakan pelajar sukar untuk menjawab dengan tepat.
- b. Sikap pelajar yang membuat ulangkaji subjek pada saat-saat akhir ketika menjelang peperiksaan akhir.

Tindakan Pembetulan :

Surat panggilan untuk mengulang modul sebarang subjek bertarikh 11 Ogos 2009 telah dikeluarkan kepada pelajar yang tangguh.

Tindakan Pencegahan :

1. Perlaksanaan penyeragaman Latihan Industri (LI) dan Projek Tahun Akhir (PTA) bermula sesi latihan 1/2010 di ADTEC Shah Alam adalah seperti berikut :-

- a. Sekiranya pelajar **lulus semua subjek sehingga semester 4**, maka

Semester 3	Semester 4	Semester 5	Semester 6	
Latihan			PTA	LI

- b. Sekiranya pelajar **mempunyai gagal subjek sehingga semester 4**, maka

Semester 3	Semester 4	Semester 5	Semester 6	Semester 7	
Latihan			PTA & UM	LI	

Semester tangguh

Ini bertujuan agar pelajar yang mempunyai ulang modul boleh diselesaikan sebelum sesi LI bermula.

2. Dicapangkan setiap pelajar yang tangguh dikenakan yuran sebanyak RM 75.00 bagi setiap jam kredit bagi menambah kesedaran pelajar perlu fokus di dalam latihan bagi mengelakkan tangguh semester.

LAPORAN PENAMBAHBAIKAN

Institut : INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN MIRI

Keterangan Ketidakpatuhan :

Peratus bilangan pelajar yang menangguhkan pengajian di Institut adalah sebanyak 19% iaitu 4% melebihi objektif kualiti yang ditetapkan.

Punca Ketidakpatuhan :

Pelajar gagal LI dan gagal subjek teras dan subjek umum pada semester 2 dan belum mengulang modul subjek tersebut semasa berada di semester 4 sesi 1/2009.


Tindakan Pembetulan :

Pelajar yang gagal LI telah diarahkan untuk mengulang LI pada sesi 1/2009 dan pada sesi 2/2009 berada di semester 4.

Sementara pelajar yang belum mengulang modul, telah diarahkan untuk mengulang modul pada semester tambahan dengan perbelanjaan di tanggung sendiri.

Tindakan Pencegahan :

- Memastikan pelajar yang gagal subjek modul mengulang modul pada semester yang berikutnya.
- Sesi taklimat bersama unit peperiksaan dan persijilan akan diadakan pada setiap awal semester.
- Memastikan pelajar yang mengulang modul dipantau kehadirannya ke kelas.



LAPORAN PENAMBAHBAIKAN

Institut : Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Melaka

Keterangan Ketidakpatuhan :

- Memastikan tidak lebih daripada 15 % pelajar di benar mengulang module latihan melebihi tempoh latihan yang di tetapkan (ISO : Objektif Kualiti 8)

Punca Ketidakpatuhan :

- Pelajar masih mempunyai subjek teras / umum yang belum lulus (syarat untuk menjalani latihan industri (LI))

Tindakan Pembetulan :

- Memastikan semua pelajar yang terlibat mengambil subjek tersebut pada masa yang di tetapkan.

Tindakan Pencegahan :

- Kelas tambahan dan penumpuan yang lebih di berikan kepada pelajar tersebut

LAPORAN PENAMBAHBAIKAN
Institut : INSTITUT TEKNIKAL JEPUN MALAYSIA
Keterangan Ketidakpatuhan : 1. Lebih 15 % pelajar mengulang modul latihan.
Punca Ketidakpatuhan : 1. Pelaksanaan sistem pre-requisite bagi matapelajaran tertentu yang dilaksanakan pada awal semester bagi sesi tersebut menjadikan pelajar mengalami kejutan pada awalnya. 2. Masalah penempatan asrama yang tidak dapat menampung kapasiti pelajar yang ramai yang akan menyebabkan pelajar perlu tinggal di luar asrama. Ini akan menyebabkan pelajar kerap kali tidak hadir kelas dan ujian. 3. Mengurangkan jumlah jam kredit pelajar agar pelajar tidak begitu tertekan dengan keadaan pembelajaran yang membebankan. Perlu kaji semula silibus mengikut keperluan semasa. 4. Kecairan pakar akibat dari pertukaran pengajar kerana kenaikan pangkat dan juga perpindahan. 5. Pelajar sangat lemah dari segi akademik. 6. Silibus Matematik untuk pelajar Diploma Lanjutan hanya bermasalah kepada pelajar lepasan ADTEC.
Tindakan Pembetulan : 1. Program motivasi dan kaunseling yang melibatkan pengajar dan pegawai kaunseling perlu diperbanyakkan agar pelajar sentiasa bermotivasi dan bersemangat untuk belajar. 2. Pelbagaikan tempat riadah yang sempurna dan mencukupi bagi semua pelajar yang ingin beriadah, agar pelajar mempunyai minda yang sihat dan dapat mengurangkan gejala yang tidak baik. 3. Pelajar perlu bermotivasi dan memerlukan persediaan yang mencukupi sebelum memasuki kelas. 4. Kelas tambahan diadakan untuk pelajar Diploma Lanjutan dan teknik pengajar mendekati pelajar agar tidak tertekan untuk mempelajari matematik.
Tindakan Pencegahan : 1. Kaedah pengajaran dipelbagaikan untuk meningkatkan minat pelajar yang bermasalah.

LAPORAN PENAMBAHBAIKAN

INSTITUT : ILP KUALA LUMPUR

Keterangan ketidakpatuhan :

Peratus bilangan pelajar yang tangguh pengajian melebihi Objektif Kualiti yang ditetapkan iaitu 16.8 %

Punca ketidakpatuhan :

1. Mata pelajaran Sains Kejuruteraan Semester 3 bagi kursus Tek. Komputer Sistem, sukar difahami. Tahap silibus yang tinggi berbanding dengan kelayakan pelatih.
2. Pelatih Tek. Komputer Sistem gagal menghantar kerja kursus mereka kepada pengajar mereka.
3. Pelatih Tek. Elektronik Industri tidak menghadirkan diri di tempat LI walaupun arahan telah dikeluarkan.
4. Pelatih Tek. Elektronik Industri gagal menghantar buku log mereka setelah selesai latihan industri (LI) mereka.
5. Pelajar Juruletrik tidak menamatkan LI kerana mendapat kemalangan.
6. Pelajar Juruletrik tidak menamatkan latihan kerana gagal subjek MK3011/

Tindakan pembetulan :

1. Pengajar perlu mengubah cara pengajaran supaya mudah difahami pelajar.
2. Pengajar perlu wujudkan kawalan disiplin terhadap pelatih dan lebih bertanggungjawab dalam memantau kegiatan pelatih.
3. Bagi bidang yang sukar mendapat tempat LI, pelajar akan di hantar ke ILJTM yang lain.

Tindakan Pencegahan :

1. Menyemak semula silibus bidang yang yang tidak mendapat permintaan dari pihak industri .
2. Memastikan pelajar tidak boleh menangguhkan LI melainkan di atas kelulusan pihak atasan .

LAPORAN PENAMBAHBAIKAN

Institut : INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN ARUMUGAM PILLAI NIBONG TEBAL

Keterangan Ketidakpatuhan :

Merujuk kepada Objektif Kualiti MS ISO 9001 : 2008 yang kelapan menyatakan "Tidak lebih daripada 15% pelajar dibenarkan mengulang modul latihan melebihi tempoh latihan yang ditetapkan".

Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan Bil. 3/2009, peratus pelajar yang menangguh pengajian di ILP APNT bagi sesi keluaran 1/2009 adalah 21.8% iaitu melebihi 15% daripada yang telah ditetapkan oleh JTM.

Punca Ketidakpatuhan :

Bagi keluaran tersebut, 12 orang pelajar daripada 55 yang gagal (21.8%) adalah disebabkan mereka gagal dalam subjek umum Matematik dan Sains dan juga gagal melengkapkan Latihan Industri mengikut tempoh yang ditetapkan. Masalah yang dikenalpasti adalah :

1. Asas Matematik dan Sains pelajar yang lemah

Pelajar tersebut tidak mempunyai asas yang kukuh dalam bidang Sains dan Matematik diperingkat sekolah menengah serta tiada langsung asas Matematik Tambahan. Sungguhpun telah diberi pendedahan dengan subjek Matematik dan Sains, kebanyakan pelajar sukar untuk memahaminya.

2. Masalah tiada pensyarah DG41 Matematik dan Sains yang berjawatan tetap di ILP APNT

ILP APNT tidak mempunyai pensyarah DG41 yang berjawatan tetap. Oleh yang demikian, subjek-subjek berkenaan diajar oleh pensyarah-pensyarah ILP yang tidak mempunyai asas teknik pengajaran matematik dan sains dengan cara yang betul.

3. Beban tugas pensyarah

Pensyarah (PLV/PPLV) telah dibebani dengan tugas-tugas pengajaran dibengkel dan ini menyebabkan kurang tumpuan mereka untuk mengajar subjek-subjek umum.

4. Tiada Slot untuk subjek mengulang pada semester 1 dan 2

Silibus JTM telah digubal mempunyai sebanyak 7 hingga 9 modul (18-23 kredit) pada setiap semester. Sepanjang waktu latihan, tiada slot kosong yang diperuntukkan untuk subjek mengulang. Ini mengakibatkan pelajar yang gagal pada semester 1 atau 2 hanya boleh mengulang semula modul tersebut pada semester tambahan (subjek umum sahaja).

5. Silibus lama Matematik

Silibus lama bagi subjek matematik dianggap lebih sukar berbanding silibus baru menyebabkan peratus kegagalan pelajar keluaran 2/2009 adalah tinggi.

6. Pelajar Gagal Menamatkan Latihan Industri

Didapati terdapat 5 orang pelajar yang ditangguh pengajian akibat daripada gagal melengkapkan Latihan Industri mengikut tempoh yang ditetapkan atas sebab-sebab berikut.

- i) Pelajar terlalu memilih tempat untuk menjalani Latihan Industri menyebabkan kelewatan latihan tersebut dijalankan daripada tempoh yang sepatutnya.
- ii) Disebabkan oleh masalah disiplin pelajar menyebabkan industri menamatkan latihan industry pelajar berkenaan.
- iii) Pelajar menukar tempat Latihan Industri tanpa pengetahuan pihak institut.

7. Sikap dan Disiplin Pelajar

Daripada pemerhatian, pelajar tidak menggemari subjek matematik dan sains sejak dari bangku sekolah lagi. Jesteru itu mereka memilih aliran vokasional kerana meminati bidang kemahiran. Ketiadaan minat ini menyebabkan usaha pensyarah untuk menyampaikan pengajaran menjadi lebih sukar dan seterusnya peratusan kegagalan lebih tinggi berbanding subjek teras.

Tindakan Pembetulan :

Tindakan pembetulan yang dilakukan di ILP APNT adalah seperti berikut :

1. Subjek Umum Matematik

- i) Slot tutorial akan diadakan setiap minggu antara 1 hingga 1½ jam bagi membuat latihan dan perbincangan bagi topik yang dipelajari sebelumnya. Slot tutorial ini juga boleh menggunakan slot subjek umum sedia ada secara berselang seli dengan pengajaran yang disampaikan.
- ii) Set soalan tutorial (6 soalan/set/topik) beserta skema jawapan dibuat dari soalan mudah hingga ke sukar dan soalan ini akan diselaraskan untuk semua bahagian. Ini membantu pengajar dan pelajar mengetahui tahap kesukaran dan topik yang bermasalah.

2. Subjek Umum Sains

- i) Slot tutorial akan diadakan setiap minggu antara 1 hingga 1½ bagi membuat latihan dan perbincangan bagi topik yang dipelajari sebelumnya. Slot tutorial ini juga boleh menggunakan slot subjek umum sedia ada secara berselang seli dengan pengajaran yang disampaikan.
- ii) Tajuk yang pelajar mempunyai masalah dikenalpasti dan penekanan yang lebih dibuat bagi topik berkenaan.
- iii) Set tutorial (6 soalan/set/topik) beserta skema jawapan dibuat dari soalan mudah hingga ke sukar dan soalan ini akan diselaraskan untuk semua bahagian. Ini membantu pengajar dan pelajar mengetahui tahap kesukaran dan topik yang bermasalah.

3. Kelewatan Latihan Industri

Memastikan semua pelajar telah mendapat tempat Latihan Industri sebelum mereka menamatkan kursus di ILP.

Tindakan Pencegahan :**Tindakan pencegahan yang dicadangkan adalah :**

- i) Memohon supaya pihak ibupejabat menempatkan Pensyarah DG yang berkemahiran dalam bidang berkenaan dengan segera.
- ii) Memohon supaya pihak ibupejabat menempatkan seorang pegawai kaunselor yang bertauliah di ILP APNT untuk member khidmat keunseling kepada pelajar-pelajar yang bermasalah dalam pelajaran supaya mereka mempunyai motivasi yang tinggi untuk belajar.
- iii) Akan memberikan taklimat latihan industry dalam kumpulan yang lebih kecil supaya pelajar-pelajar lebih memahami peraturan-peraturan semasa menjalni latihan industri.

LAPORAN PENAMBAHBAIKAN
Institut : Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Batu Pahat, Johor
Keterangan Ketidakpatuhan : Merujuk kepada Objektif Kualiti MS ISO 9001:2008 yang kelapan menyatakan "Tidak lebih daripada 15% pelajar dibenarkan mengulang modul latihan melebihi tempoh latihan yang ditetapkan" Pencapaian Adtec Batu Pahat bagi sesi 2/2008 adalah 20.4% dan sesi 1/2009 adalah 25.4% iaitu melebihi 15% daripada yang telah ditetapkan oleh JTM.
Punca Ketidakpatuhan : Bagi keluaran sesi 1/2009, 24 orang pelajar daripada 58 yang gagal (41.3%) adalah disebabkan mereka gagal dalam subjek Matematik dan Sains. Masalah yang dikenalpasti adalah : 1. Asas Matematik dan Sains yang Lemah Pelajar tersebut tidak mempunyai asas yang kukuh dalam bidang Sains dan Matematik diperingkat sekolah menengah serta tiada langsung asas Matematik Tambahan. Sungguhpun telah diberi pendedahan dengan subjek Matematik dan Sains diperingkat Tahap 1 dan tahap 2, ia masih lagi tidak mencukupi dan pelajar masih lagi tidak mengikuti subjek matematik dan sains pada peringkat tahap 3 dan 4 dengan baik. 2. Beban tugas pensyarah DG41 Matematik Adtec Batu Pahat mempunyai 4 orang pensyarah DG41(seorang DG41 Matematik, seorang DG41 Pendidikan Islam/Moral dan 2 orang DG41 Bahasa Inggeris). Bebanan tugas bagi pensyarah matematik adalah berat kerana ia perlu mengajar sebanyak 11 kelas yang mempunyai jumlah pelajar seramai 315 orang tidak termasuk pelajar yang mengulang. Disamping bebanan kelas yang banyak, pensyarah tersebut juga sukar untuk menyemak tugasan dan latihan pelajar yang terlalu banyak. Ini berbeza dengan beban tugas pensyarah Pendidikan Islam yang hanya mengajar semester 3 dan pensyarah Bahasa Inggeris yang hanya mengajar semester 5 sebagai subjek tambahan yang tidak terdapat di dalam silibus. 3. Tiada Slot untuk subjek mengulang pada semester 4 dan 5 Silibus JTM telah digubal mempunyai sebanyak 7 hingga 9 modul (18-23 kredit) pada setiap semester. Sepanjang waktu latihan, tiada slot kosong yang diperuntukkan untuk subjek mengulang. Ini mengakibatkan pelajar yang gagal pada semester 3 atau 4 hanya boleh mengulang semula modul tersebut pada semester 6(subjek umum sahaja) atau semester 7. Ini akan secara langsung akan menyebabkan pelajar menanggungkan Projek Tahun Akhir(PTA) dan Latihan Industri(LI) dan seterusnya pelajar tersebut akan tamat latihan melebihi tempoh yang sepatutnya ia tamat. 4. Silibus lama Matematik Silibus lama bagi subjek matematik dianggap lebih sukar berbanding silibus baru. Bagi pelajar masukan sesi 1/2007 dan 2/2007, mereka menggunakan silibus lama dan didapati tahap kegagalan subjek matematik adalah tinggi berbanding pelajar sesi masukan 1/2008 dan 2/2208 yang menggunakan silibus baru.

5. Sikap dan Disiplin Pelajar

Daripada pemerhatian, pelajar tidak menggemari subjek matematik dan sains sejak dari bangku sekolah lagi. Justeru itu mereka memilih aliran vokasional kerana meminati bidang kemahiran. Ketiadaan minat ini menyebabkan usaha pensyarah untuk menyampaikan pengajaran menjadi lebih sukar dan seterusnya peratusan kegagalan lebih tinggi berbanding subjek teras.

6. Kegagalan subjek teras

Peratusan kegagalan subjek teras adalah lebih rendah berbanding subjek umum. Ini berpunca daripada sikap pelajar sendiri yang tidak menumpukan perhatian didalam kelas disamping masalah disiplin. Jika pelajar gagal sebarang subjek secara automatik pelajar tersebut akan tamat pengajian melebihi tempoh yang sepatutnya kerana tiada peruntukan slot untuk mengulang subjek.

Tindakan Pembetulan :

Tindakan pembetulan yang di Adtec Batu Pahat adalah seperti berikut :

1. Subjek Umum Matematik

- i) Bagi subjek Matematik pensyarah telah membangunkan WIM. Nota dan latihan telah diedarkan kepada pelajar tujuan pengajaran sementara WIM yang selaras diperolehi.
- ii) Slot tutorial setiap minggu antara 1 hingga 1 ½ jam diadakan bagi membuat latihan dan perbincangan bagi topik yang dipelajari sebelumnya. Slot tutorial ini juga boleh mengunapakai slot subjek umum sedia ada secara berselang seli dengan pengajaran yang disampaikan.
- iii) Set soalan tutorial (6 soalan /set/topik) beserta skema jawapan dibuat dari soalan mudah hingga ke sukar dan soalan ini akan diselaraskan untuk semua bahagian. Ini membantu pengajar dan pelajar mengetahui tahap kesukaran dan topik yang bermasalah.

2. Subjek Umum Sains

- i) Slot tutorial setiap minggu antara 1 hingga 1 ½ jam diadakan bagi membuat latihan dan perbincangan bagi topik yang dipelajari sebelumnya. Slot tutorial ini juga boleh mengunapakai slot subjek umum sedia ada secara berselang seli dengan pengajaran yang disampaikan.
- ii) Tajuk yang pelajar mempunyai masalah dikenalpasti dan penekanan yang lebih dibuat bagi topik berkenaan.
- iii) Soalan peperiksaan adalah dalam bentuk definisi berbanding pengiraan. Ini kerana didapati pelajar lemah dalam pengiraan.
- iv) Set soalan tutorial (6 soalan /set/topik) beserta skema jawapan dibuat dari soalan mudah hingga ke sukar dan soalan ini akan diselaraskan untuk semua bahagian. Ini membantu pengajar dan pelajar mengetahui tahap kesukaran dan topik yang bermasalah.

Tindakan Pencegahan :


Tindakan pencegahan yang telah dilakukan

- I) Mengadakan sesi kaunseling khas bagi pelajar yang gagal supaya lebih berusaha untuk berjaya dan berdikari. Sesi ini akan diadakan secara berkelompok (6 orang). Kaunseling ini melibatkan 12 orang (2 kumpulan) dan meliputi beberapa siri sesi kaunseling. Pendekatan kaunseling merangkumi 3 aspek iaitu emosi, kognitif dan kelakuan. Pelajar yang terlibat akan dikenalpasti di peringkat Bahagian.
- I) Slot tutorial tambahan (pengukuhan) kepada kumpulan yang dikenalpasti lemah bagi setiap sesi. Ini bagi membolehkan pemantapan topik yang lebih asas dibuat kepada kumpulan tersebut.
- II) Mempelbagaikan teknik pedagogi antaranya membuat latihan yang perlu diselesaikan secara *on the spot* bagi mengelakkan masalah pelajar meniru tugas di asrama dan tidak memahami topik tersebut.

Tindakan pencegahan yang dicadangkan adalah :

- i) Mengenakan yuran bagi pelajar yang mengulang modul mengikut bilangan kredit seperti yuran semakan semula kertas peperiksaan supaya pelajar mengambil serius kegagalan subjek.
- ii) Pensyarah DG yang ditempatkan dari latarbelakang sains atau matematik perlu ditambah.

Disediakan Oleh :


.....
Zaldi bin Md Yusuf
Pengerus QMT
Adtec Batu Pahat

